

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PERASMIAN UNIT RAWATAN HAEMODIALYSIS  
Lokasi : HOSPITAL ANGKATAN TENTERA, KINRARA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 29-08-1990

Bismillahir rahmanir rahim.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berbahagia Tan Sri Jeneral Abdul Hamid Bidin, Yang Di-Pertua Persatuan Bekas Perajurit Malaysia; Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah dan restuNya dapat kita berkumpul di majlis ini. Marilah kita berdoa kepada Allah Subhanahu wa Ta'ala semoga majlis ini dapat berjalan dengan sempurna serta mencapai kejayaan dan mendapat keredaanNya.

2. Saya juga mengambil peluang ini untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Persatuan Bekas Perajurit Malaysia yang telah mengundang saya dan seterusnya merasmikan Unit Rawatan Haemodialysis, Hospital Angkatan Tentera. Ini merupakan satu penghargaan yang tinggi kepada saya kerana ia merupakan satu kegiatan kebajikan yang murni.

Sehubungan dengan ini saya berharap supaya kegiatan- kegiatan kebajikan yang dijalankan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia akan berterusan, diperkembang dan di pertingkatkan lagi bagi membela nasib bekas-bekas perajurit serta keluarga mereka.

Para hadirin sekalian,

3. Saya difahamkan bahawa Unit Rawatan Haemodialysis ini merupakan projek utama Persatuan Bekas Perajurit Malaysia dalam usaha membantu pesakit-pesakit buah pinggang yang terdiri daripada bekas-bekas perajurit serta ahli-ahli keluarga mereka. Saya juga difahamkan usaha-usaha tersebut telah berjalan kira-kira setahun yang lalu di mana Persatuan ini mengadakan kutipan derma untuk menjayakan projek ini.

Syukur alhamdulillah, cita-cita tersebut telah tercapai dan sebanyak empat buah mesin telah dapat disediakan oleh Persatuan Bekas Perajurit Malaysia untuk diserahkan kepada Hospital Angkatan Tentera, Kinrara bagi kegunaannya. Sanjungan yang tinggi patut diberikan kepada Persatuan ini yang telah berusaha sedaya upaya bagi menentukan projek tersebut beroleh kejayaan. Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh semua pihak termasuklah para dermawan dalam menjayakan projek ini amat memberi kesan yang mendalam kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan ini.

4. Tidak syak lagi ianya merupakan suatu titik permulaan kepada perkhidmatan rawatan haemodialysis yang akan lebih meluas lagi. Oleh itu saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada pihak-pihak yang telah memberikan kerjasama serta sumbangan agar terus memberikan sokongan supaya unit ini dapat memberi dan memperluaskan lagi perkhidmatannya. Saya percaya dengan kegigihan yang ditunjukkan oleh semua pihak terhadap usaha ini akan menjadi satu teladan yang patut dicontohi oleh semua pihak terutama sekali dalam menentukan bekas-bekas perajurit mendapat rawatan yang sempurna.

5. Kepada pesakit-pesakit yang akan menggunakan mesin haemodialysis ini, saya ingin nyatakan betapa baiknya nasib para pesakit yang mendapat peluang untuk dirawat dengan menggunakan mesin haemodialysis di Hospital Angkatan Tentera ini. Pada tahun 60-an, mesin-mesin seperti ini tidak terdapat di mana-mana hospital pun di negara kita. Seorang pembantu hospital telah meninggal dunia kerana mesin haemodialysis yang pertama untuk beliau tidak sempat sampai untuk digunakan. Tetapi sekarang ini hospital-hospital kerajaan ataupun swasta, malahan pesakit individu yang berkemampuan, mempunyai sebuah mesin haemodialysis. Ianya suatu alat yang mahal dan oleh itu kita patut bersyukur kerana Persatuan Bekas Perajurit Malaysia telah dapat membekalkan hospital ini dengan mesin-mesin

tersebut.

6. Satu lagi pesanan yang ingin saya sampaikan kepada pesakit-pesakit yang akan menggunakan mesin-mesin ini ialah betapa pentingnya para pesakit bersabar semasa menjalani rawatan dialysis kerana rawatan tersebut adalah rawatan seumur hidup. Selain daripada pemindahan ginjal dengan ginjal yang sesuai daripada anggota keluarga sendiri, rawatan dialysis adalah pilihan yang alternatif. Memang benar pesakit berasa bosan atau risau kerana bukanlah mudah para pesakit dipasangkan ke mesin tersebut. Ianya mengambil masa 45 jam setiap kali dipasangkan atau 2 hingga 3 kali seminggu. Namun demikian dengan perasaan sabar dan tekun kepada peraturan-peraturan yang ditunjuk-ajarkan oleh doktor, pesakit-pesakit akan menjalani kehidupan yang lebih selesa daripada tidak mendapat rawatan langsung.

7. Oleh itu marilah kita sama-sama bersyukur kerana berpeluang menggunakan mesin haemodialysis di Hospital Angkatan Tentera, Kinrara dan berdoa semoga pesakit-pesakit akan dapat menjalani kehidupan dengan lebih selesa.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

8. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Pesatuan Bekas Perajurit Malaysia yang telah menjemput saya ke majlis ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan penghargaan kepada semua pihak yang telah memberi bantuan dan sokongan bagi menjayakan projek ini. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang saya dengan sukacitanya membuka Unit Rawatan Haemodialysis, Hospital Angkatan Tentera, Kinrara dengan rasminya.